

Khalid ditukar ke Kementerian Pembangunan Usahawan

UM 30 NOV 2002

KUALA LUMPUR 29 Nov. — Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Khalid Yunus ditukarkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai Timbalan Menteri, berkuat kuasa serta-merta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman Abdullah pula bertukar ke Kementerian Penerangan dengan memegang jawatan sama.

Sebelum ini, katanya, Kementerian Pembangunan Usahawan tidak mempunyai timbalan menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Ibu Pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Pelantikan Khalid dan Rizalman sejajar dengan pelantikan dua menteri dan seorang timbalan menteri yang diumumkan pada 19 November lalu.

Ia melibatkan ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis yang dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua manakala Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dinaikkan pangkat daripada Timbalan Menteri kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Senator Datuk Zainuddin Maidin yang sebelum ini Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan dilantik sebagai Timbalan Menteri di kementerian yang sama.

Dr. Mahathir seterusnya memberitahu, pelantikan Khalid dan Rizalman telah dibuat lebih awal sebelum mesyuarat MT hari ini.

"Pelantikan Khalid adalah pertukaran dan sudah lama diputuskan. Saya ambil kesempatan ini untuk mengumumkannya. Ia sudah berkuat kuasa. Cuma Datuk Khalid tiada di sini," jelasnya.